

Pandangan Yusuf Al-Qaradawi Mengenai Zakat Pertanian: Analisis Isu Terpilih

Muhammad Ikhlas Rosele¹
Luqman Hj Abdullah²
Mohd Anuar Ramli³
Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar⁴

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perspektif Yusuf al-Qaradawi dalam fiqh semasa dengan menfokuskan terhadap zakat pertanian. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menganalisis pemikiran beliau tentang zakat pertanian dalam kitab Fiqh al-Zakat. Pengkaji menumpukan kepada empat isu zakat pertanian, iaitu sumber pertanian yang wajib dikenakan zakat, nisab zakat pertanian, penolakan hutang, kharaj dan pembiayaan sebelum dikeluarkan zakat dan zakat bagi tanah yang disewakan. Adalah didapati pemikiran al-Qaradawi mengenai zakat pertanian bersesuaian serta relevan dengan realiti masa kini. Ini kerana beliau menggunakan kaedah dan metodologi yang cenderung ke arah memelihara masalah serta meraikan realiti semasa dan setempat ('urf) dalam penetapan hukum. Pemikiran beliau ini telah banyak diterima pakai dalam fatwa-fatwa di dunia Islam.

Kata kunci: zakat pertanian, hukum, fiqh semasa, realiti semasa dan setempat

PENDAHULUAN

Al-Qaradawi merupakan salah seorang intelektual Islam yang begitu masyhur pada hari ini. Beliau di antara pemikir Islam dan pendakwah yang tidak asing lagi di dalam dunia Islam masa kini. Beliau banyak menghasilkan karya-karya dalam pelbagai lapangan bidang antaranya bidang fiqh, akidah, akhlak, gerakan Islam dan dakwah.

Antara karya yang memberi sumbangan yang besar dalam lapangan fiqh semasa dan ekonomi umat Islam adalah kitab *Fiqh al-Zakat*. Di dalam kitab tersebut beliau telah melakukan perincian dan penjelasan sebagai penyelesaian bagi setiap isu semasa yang berkaitan dengan zakat⁵. Justeru itu, artikel ini cuba menganalisis pemikiran hukum al-

¹ Muhammad Ikhlas Rosele (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

² Luqman Hj Abdullah (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

³ Mohd Anuar Ramli (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

⁴ Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar(PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

⁵ Mushfiqur Rahman, *Zakat Calculation* (United Kingdom: The Islamic Foundation, 2003), 6.

Qaradawi di dalam kitab tersebut, dengan menumpukan kepada beberapa isu yang terkandung di dalam perbincangan zakat pertanian.

Pengenalan Kitab Fiqh al-Zakat

Nama sebenar kitab ini adalah *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*⁶, yang bermaksud “Fiqh Zakat, Kajian Perbandingan Mengenai Hukum-Hukumnya, dan Falsafahnya Berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah”.⁷ Kitab ini asalnya adalah berasal daripada tesis PhD al-Qaradawi ketika menyelesaikan pembelajaran beliau di peringkat Ijazah Kedoktoran di Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1973. Tajuk tesis beliau ketika itu adalah *al-Zakat wa Atharuha fi Hill al-Masyakil al-Ijtima'iyah* yang bermaksud “Zakat dan Pengaruhnya Dalam Menyelesaikan Masalah-masalah Sosial”⁸.

Kitab ini terdapat di dalam dua jilid. Ia membincangkan pekara yang berkaitan dengan zakat seperti golongan yang berhak menerima zakat, golongan yang wajib membayar zakat, jenis-jenis zakat, *nisab* dan sebagainya. Secara ringkasnya pembahagian isi kandungan kitab ini adalah seperti di dalam jadual 1 berikut;

Jadual 1 : Isi Kandungan Kitab *Fiqh al-Zakat*

Jilid Pertama		
1	Muqadimah	
2	Bab Pertama	Kewajipan zakat dan kedudukannya dalam Islam
3	Bab Kedua	Siapakah golongan yang wajib membayar zakat?
4	Bab Ketiga	Harta-harta yang wajib dikenakan zakat dan kadar-kadar yang perlu dikeluarkan darinya
Jilid Kedua		
1	Bab Keempat	Pengurusan harta zakat
2	Bab Kelima	Cara perlaksanaan zakat
3	Bab Keenam	Objektif zakat dan kesan-kesannya dalam kehidupan individu dan masyarakat
4	Bab Ketujuh	Zakat Fitrah
5	Bab Kelapan	Adakah pada harta itu ada kewajipan lain yang perlu ditunaikan selain zakat
6	Bab Kesembilan	Zakat dan cukai
1	Penutup	

Sumber : Kitab *Fiqh al-Zakat*⁹

Perbincangan mengenai zakat pertanian bagi kitab ini terkandung di dalam bab yang ketiga, iaitu bab yang membincangkan mengenai harta-harta yang wajib dikeluarkan padanya zakat dan penentuan kadarnya.

⁶ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1994).

⁷ Penulis menggunakan kitab *Fiqh al-Zakat* cetakan ke-21 Maktabah Wahbah di Kaherah, kitab ini dicetak pada tahun 1994. Kitab ini terdapat di dalam dua jilid dengan jumlah halaman adalah sebanyak 1304 halaman (tidak termasuk kulit), lihat; al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*.

⁸ Ishom Talimah, *Manhaj Fikih Yusuf al-Qaradhawi*, Samson Rahman, terj (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2001), 4.

⁹ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 2: 1265-1304.

PERSPEKTIF AL-QARADAWI DALAM ISU ZAKAT PERTANIAN

Zakat¹⁰ pertanian umumnya adalah hak yang wajib ditunaikan sebanyak 10% atau 5% (mengikut kaedah pengairan) daripada hasil pertanian (yang tertentu), pada waktu hasil tersebut dituai (atau setelah dilakukan pentaksiran) yang mencukupi atau melebihi 5 *awsuq*¹¹. Kewajipan zakat pertanian telah dinyatakan di dalam al-Quran¹², Hadis¹³ dan ijma'¹⁴.

Terdapat empat isu zakat pertanian yang menjadi tumpuan di dalam artikel ini, iaitu sumber pertanian yang wajib dikenakan zakat, nisab zakat pertanian, penolakan hutang, *kharaj* dan pembiayaan sebelum dikeluarkan zakat dan zakat bagi tanah yang disewakan.

a. Nisab Zakat Pertanian

Dalam isu ini terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama'. Perbezaan pendapat yang terdapat di dalam isu ini berlaku dalam beberapa aspek. Aspek yang menjadi tumpuannya adalah perbezaan ulama' dalam perakuan terhadap adanya nisab dalam zakat pertanian. Al-Qaradawi berpendapat bahawa adanya nisab di dalam zakat pertanian, iaitu sebanyak 5 *awsuq*¹⁵.

Menurut al-Qaradawi nisab dalam zakat pertanian adalah sebagai satu kayu ukur dalam menentukan had kekayaan seseorang itu sehingga dia wajib mengeluarkan zakat. Al-Qaradawi juga menyatakan sekiranya tidak ada nisab di dalam zakat pertanian jelas ianya bertentangan dengan objektif syariah secara umum, dan apa yang lebih utama adalah, ia telah bertentangan dengan sebuah hadis *sahih*¹⁶, sabda Nabi s.a.w :

لَيْسَ فِيمَا دُونَ خُمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ

Yang bermaksud: "Apa-apa yang kurang daripada 5 *awsuq* tidak diwajibkan zakat"

(Hadis muttafaq 'alaih)

Pendapat al-Qaradawi ini sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh jumhur ulama'. Oleh kerana itulah beliau telah menguatkan pendapat yang didokong oleh jumhur ulama' yang mana menetapkan nisab pada hasil pertanian untuk dikenakan zakat sebanyak 5

¹⁰ Takrif zakat secara umum adalah; hak yang wajib ditunaikan dengan kadar tertentu daripada harta tertentu, untuk golongan tertentu pada waktu yang tertentu, lihat; Mansur bin Yunus al-Buhuti, *Kasyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'* (Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 2003), 3: 803-804; 'Abdul Karim Zaidan, *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1993), 1: 343.

¹¹ Mujaini Tarimin telah mengemukakan satu pengertian zakat pertanian iaitu; "Mengeluarkan sebahagian daripada pendapatan bersih hasil pertanian yang dimajukan oleh manusia dari jenis biji-bijian atau buah-buahan atau mana-mana hasil pertanian yang memberi manfaat serta menepati semua syarat, rukun dan sebab ('illah) diwajibkan zakat" Lihat: Mujaini Tarimin, *Zakat Pertanian; Sistem dan Pelaksanaannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 2.

¹² Lihat antaranya: Surah Al-Baqarah 2: 267; Surah Al-An'am 6: 141

¹³ Antaranya hadis yang bermaksud: "Pada apa-apa yang diairi (disirami) dengan air hujan, mata air atau air tanah (takungan) dikenakan (zakat) sebanyak 10%, sedangkan pada apa-apa yang diairi dengan tenaga dikenakan (zakat) sebanyak 5%" (Hadis riwayat al-Bukhari)

¹⁴ Abu Bakr bin Mas'ud al-Kasani, *Badai' al-Sanai' fi Tartib Syarai'* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), 2: 495.

¹⁵ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 390-391.

¹⁶ *Ibid.*

awsuq.¹⁷ Al-Qaradawi telah menolak pendapat Imam Abu Hanifah¹⁸ yang menyatakan bahawa zakat terhadap hasil pertanian diwajibkan samada jumlahnya sedikit ataupun banyak¹⁹. Pendapat Imam Abu Hanifah adalah berasaskan keumuman ayat al-Quran dan juga hadis Nabi s.a.w yang tidak menyatakan perlunya nisab dalam hasil pertanian yang perlu dizakatkan²⁰ dan berpegang dengan kaedah apabila sumber zakat itu tidak mempunyai haul maka ia juga tidak mempunyai nisab²¹.

Setelah dapat dipastikan bahawa nisab zakat pertanian menurut al-Qaradawi adalah sebanyak 5 *awsuq*. Persoalan yang timbul sekarang, berapakah jumlah atau perkiraan 5 *awsuq* tersebut. Menurut al-Qaradawi perkiraan 5 *awsuq* adalah sebanyak 300 *sa'* (gantang). Penentuan tersebut berdasarkan sebuah hadis *da'if* yang bermaksud:

“*Satu wasaq itu bersamaan dengan 60 sa'*”

(Hadis riwayat Ibn Majah)

serta berpegang dengan *ijma'* yang dinukilkan oleh Ibnu Munzir dan selainnya²².

Timbul pula persoalan dalam menentukan saiz besarnya satu *sa'*. Ulama' bersepakat dalam sukatan *sa'* yang dipakai adalah sukatan *sa'* Madinah, tetapi mereka berbeza dalam mengenalpasti besarnya satu *sa'* tersebut. Al-Qaradawi berpendapat satu *sa'* adalah bersamaan dengan 5 1/3 kati Baghdad²³. Pendapat beliau ini berasaskan beberapa bukti, antaranya Imam Malik sendiri telah mengukur sendiri besar *sa'* penduduk Madinah yang masih kekal sehingga zaman beliau²⁴. Abu Yusuf juga telah mengukur sendiri besar *sa'* penduduk madinah ketika beliau selesai menunaikan haji, sehingga beliau menukar pendapatnya dengan menerima pendapat penduduk Madinah²⁵.

Pendapat al-Qaradawi ini juga adalah merupakan pendapat ulama' fiqh Hijaz iaitu satu *sa'* adalah bersamaan dengan 5 1/3 kati (*al-ritl*) Baghdad²⁶, berbeza dengan ulama' fiqh Iraq yang mana mereka berpendapat satu *sa'* adalah bersamaan dengan 8 kati Baghdad²⁷. Berdasarkan bukti yang beliau kemukakan di atas itulah yang membuatkan beliau menerima pendapat ulama' fiqh Hijaz.

Perbincangan nisab 5 *awsuq* adalah sesuai digunakan bagi hasil pertanian yang boleh diliter. Bagi hasil pertanian yang tidak boleh disukat dengan menggunakan *sa'* hendaklah dikeluarkan zakat dengan menggunakan mata wang mengikut nilai 5 *awsuq* bijian yang sederhana nilai harganya. Nilai harga barang memang berbeza di antara setiap negara, oleh itu penentuan hendaklah diserahkan kepada setiap ilmuan di negara tersebut²⁸. Sebagai contoh, nisab

¹⁷ Sila lihat: Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2009), 1: 392; Ibrahim bin 'Ali al-Syirazi, *Al-Muhadhdhab* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1995), 1: 284-285; Ibn Qudamah al-Maqdisi, *Al-Mughni* (Kaherah: Hajar, 1992), 4: 161-162.

¹⁸ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 389.

¹⁹ Al-Kasani, *Badai' al-Sanai' fi Tartib Syarai'*, 2: 506.

²⁰ *Ibid.*, 507.

²¹ Al-Maqdisi, *Al-Mughni*, 4: 161.

²² Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab* (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 5: 439.

²³ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 398.

²⁴ Al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), 4: 286

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Muhammad bin Ahmad al-Dasuqi, *Hasiyat al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir* (Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1980), 1: 506; Yahya bin Syaraf al-Nawawi, *Raudah al-Talibin* (Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub, 2003), 2: 93-94; Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini, *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2004), 1: 458.

²⁷ Ibn al-Humam, *Fath al-Qadir* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), 2: 301-302.

²⁸ al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 403

bagi tebu adalah mengikut nilai 5 *awsuq* padi atau dalam kilogram adalah lebih kurang 653 kg padi yang mempunyai harga yang sederhana²⁹.

Asas pendapat al-Qaradawi ini adalah merupakan pendapat Abu Yusuf. Abu Yusuf berpendapat bahawa nisab hasil pertanian yang tidak disukat hendaklah mengikut nilai harga terendah 5 *awsuq* hasil pertanian yang boleh disukat di pasaran³⁰. Tetapi al-Qaradawi tidak bersetuju dengan penggunaan nilai harga terendah bahkan hendaklah mengikut nilai harga sederhana hasil pertanian tersebut di pasaran. Pekara itu adalah untuk menjaga dua kepentingan iaitu, kepentingan fakir miskin dan kepentingan pemilik kekayaan³¹. Hal ini kerana pendekatan al-Qaradawi yang menitik beratkan *maqasid* dan *maslahah* dalam proses menentukan hukum.

b. Penolakan Hutang, *Kharaj* Dan Pembiayaan Sebelum Dikeluarkan Zakat

Sebelum zakat dikenakan ke atas hasil pertanian adakah hutang, bayaran *kharaj* dan segala bentuk pembiayaan perlu ditolak atau tidak menjadi perbincangan dalam kalangan ulama'. Berkenaan dengan hutang al-Qaradawi berpendapat bahawa ianya hendaklah ditolak terlebih dahulu sebelum zakat dikenakan ke atas hasil pertanian³².

Al-Qaradawi sebenarnya bersependapat dengan Abu 'Ubaid yang memilih pendapat Ibnu 'Umar yang berpendapat hutang hendaklah ditolak terlebih dahulu sebelum zakat dikeluarkan dari hasil tanaman tanpa membezakan bentuk hutang tersebut sama ada hutang untuk keperluan ladang ataupun hutang untuk kepentingan sendiri ataupun keluarga. Antara yang bersependapat dengan Ibnu 'Umar adalah sebahagian ulama' fiqh Iraq, Ata', Tawus dan Makhul³³.

Berkenaan dengan *kharaj*, menurut al-Qaradawi ianya hendaklah ditolak terlebih dahulu sebelum zakat dikenakan ke atas hasil pertanian³⁴. Al-Qaradawi membawa beberapa riwayat dari ulama' salaf yang berpendapat bahawa *kharaj* perlulah ditolak terlebih dahulu kemudian barulah dikeluarkan zakat dari bakinya sebagai mendokong kepada pendapat beliau. Antaranya adalah, apa yang diriwayatkan Abu 'Ubaid dari Ibrahim Abu 'Abalah, bahawa 'Umar bin 'Abdul 'Aziz pernah mengirim surat kepada Abdullah bin 'Auf, gabenor di Palestin, berkenaan orang-orang yang memiliki tanah yang harus dibayar pajak (*jizyah*) agar mengeluarkan pajak terlebih dahulu dan kemudian dibayar zakat dari lebihan yang ada³⁵. Pendapat ini juga adalah pendapat Sufyan bin Sa'id³⁶.

Al-Qaradawi hakikatnya menguatkan dan menerima pendapat Imam Ahmad yang menyatakan bahawa *kharaj* adalah hak tanah yang dapat mengurangkan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan. Pendapat ini juga adalah pendapat Ibnu 'Abbas dan Ibnu 'Umar berkenaan keharusan melangsaikan pembiayaan tanaman dan selebihnya barulah dikeluarkan zakat³⁷. Di samping itu, al-Qaradawi juga menyebut bahawa jumhur ulama' menyamakan kedudukan sewa tanah dengan *kharaj*, dan ini bermakna jumhur ulama' berpendapat bahawa *kharaj* hendaklah dikeluarkan dahulu kemudian baki yang tinggal dari hasil pertanian tersebut hendaklah dizakatkan samada 10% ataupun 5%³⁸.

Seterusnya adalah berkenaan dengan pembiayaan tanah, apakah perlu dikeluarkan terlebih dahulu seperti *kharaj* dan hutang kemudian baru dizakatkan lebihan hasil pertanian

²⁹ Contoh ini adalah berasaskan inisiatif penulis, bertujuan untuk memudahkan kefahaman terhadap perbincangan tersebut.

³⁰ Al-Kasani, *Badai' al-Sanai' fi Tartib Syarai'*, 2: 511.

³¹ al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 403.

³² *Ibid*, 420-421

³³ Abu 'Ubaid, Al-Qasim bin Salam, *Kitab al-Amwal* (Beirut: Dar al-Syuruq, 1989): 610-611.

³⁴ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 421-422.

³⁵ Abu 'Ubaid, *Kitab al-Amwal*, 170.

³⁶ Yahya bin Adam al-Qarasyi, *Kitab al-Kharaj* (Kaherah: Al-Matba'ah As-Salafiyyah, 1384H), 161.

³⁷ Al-Maqdisi, *Al-Mughni*, 4: 200-201.

³⁸ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 421-422.

tersebut. Contoh pembiayaan di sini ialah pembelian baja, racun serangga, penyiraman, membajak tanah, memetik dan sebagainya.

Dalam persoalan ini al-Qaradawi berpendapat bahawa pembiayaan hendaklah ditolak terlebih dahulu sebelum zakat dikenakan ke atas hasil pertanian³⁹. Al-Qaradawi melihat pendapat yang dikeluarkan oleh para ulama' salaf adalah yang paling jelas dan tegas. Pendapat mereka adalah hendaklah pembiayaan dikeluarkan terlebih dahulu kemudian barulah lebih hasil tersebut dizakatkan, tidak kira pembiayaan itu dalam bentuk hutang atau bukan⁴⁰. Al-Qaradawi juga menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Hazm, kata Ibn Hazm:

“Tidak harus untuk memasukkan pembiayaan yang telah dikeluarkan dalam proses penanaman, memetik hasil, mengumpul hasil, biaya mengkaji tanaman, membaja, menggali, biaya proses pengasingan dan sebagainya dalam perhitungan zakat. maka semua itu digugurkan dalam perhitungan zakat, samada pembiayaan itu dikeluarkan dalam bentuk hutang atau tidak, ataupun samada pembiayaan itu untuk seluruh hasil tanaman ataupun tidak. Tetapi perkara ini terdapat perbezaan dikalangan ulama' salaf”⁴¹

Al-Qaradawi juga membawa riwayat yang berpendapat bahawa pembiayaan perlulah ditolak terlebih dahulu. Antaranya adalah yang diriwayatkan daripada Isma'il bin Malik⁴² dan Ata'⁴³

Al-Qaradawi menjelaskan berkenaan mengapa pembiayaan ini perlu ditolak dan mengapa ia tidak dimasukkan ke dalam penentuan 10% atau 5%. Sememangnya penentuan zakat samada 10% dan 5% dilihat dari usaha menghilangkan kesusahan dan titik peluh yang dikeluarkan dalam mengairi tanaman, tetapi pembiayaan-pembiayaan lain tidak terdapat nas-nas yang menetapkan mahupun melarangnya. Tetapi menurut semangat syariah menentukan bahawa perlu ditolak pembiayaan-pembiayaan lain sebelum menentukan kadar zakat⁴⁴.

Al-Qaradawi mengemukakan dua alasan yang menyokong pernyataan beliau itu. Pertama, sesungguhnya tanggungan dan pembiayaan merupakan faktor yang mempengaruhi menurut pandangan syariah, ia dapat mengurangkan kadar zakat, contohnya mengairi tanaman dengan menggunakan bantuan peralatan yang mengakibatkan kadar yang dikenakan zakat pada hasil pertanian hanya 5% sahaja. Kadang-kadang ia boleh menggugurkan kewajipan zakat, contohnya pada binatang *ma'lufah* iaitu binatang yang dipelihara dalam kandang dan diberi makan. Maka tidak peliklah pembiayaan dapat menggugurkan sebahagian hasil pertanian daripada dikenakan zakat. Kedua, pada hakikatnya subur itu adalah pertambahan, dan tidak dikira harta itu bertambah sekiranya jumlah pembiayaan sama besar dengan hasil yang diperoleh⁴⁵.

c. Zakat Bagi Tanah Yang Disewakan

Apabila seorang pemilik tanah yang digunakan untuk pertanian, telah menyewakan tanahnya kepada orang lain dengan mengambil sewa berbentuk mata wang, maka persoalan yang timbul siapakah yang perlu membayar zakat, adakah pemilik tanah kerana pemilikannya terhadap

³⁹ *Ibid.*, 323.

⁴⁰ *Ibid.*, 423.

⁴¹ Ibn Hazm, *Al-Muhalla* (Mesir: al-Taba'ah al-Muniriyyah, 1349H), 5: 258.

⁴² Al-Qarasyi, *Kitab al-Kharaj*, 157.

⁴³ Ibn Hazm, *Al-Muhalla*, 5: 258.

⁴⁴ Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 424.

⁴⁵ *Ibid.*

tanah tersebut dan mendapat keuntungan atas sewaanannya ataupun orang yang menyewa kerana secara zahir dialah yang mengusahakan tanah dan tanaman dan yang mengeluarkan hasil dari tanah tersebut.

Al-Qaradawi berpendapat bahawa pemilik dan penyewa kedua-dua mereka perlu mengeluarkan zakat. Menurut beliau zakat pertanian diwajibkan ke atas tanah dan ke atas hasil pertanian, bukan ke atas salah satu daripada dua perkara tersebut. Ini bermakna pemilik tanah dan penyewa hendaklah mengeluarkan zakat pertanian⁴⁶.

Pendapat beliau ini adalah hasil gabungan dua pendapat yang berbeza, iaitu pendapat Imam Abu Hanifah dan Jumhur. Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa zakat hanya dikenakan ke atas pemilik tanah⁴⁷. Ini adalah kerana zakat pertanian (*'usyr*) diwajibkan ke atas tanah yang mengeluarkan hasil bukan ke atas bijian ataupun hasil pertanian⁴⁸, alasan lain adalah kerana *'usyr* dikenakan ke atas manfaat dari tanah, dan manfaat dari tanah itu sebenarnya di serahkan kepada penyewa dalam bentuk bayaran sewa, dan sewa adalah ganti kepada manfaat yang diperoleh dari tanah. Oleh kerana itu zakat dikenakan ke atas pemilik tanah, berasaskan kaedah hukum “perkara yang menggantikan akan mengambil hukum perkara yang digantikan”⁴⁹. Manakala jumhur pula berpendapat bahawa zakat hanya dikenakan ke atas penyewa, oleh kerana zakat diwajibkan ke atas hasil tanaman bukan tanah yang mengeluarkan hasil tanaman itu⁵⁰.

Idea kepada pendapat al-Qaradawi ini telah disebutkan oleh Ibnu Rusyd ketika menjelaskan asas perbezaan Imam Abu Hanifah dan Jumhur. Ibn Rusyd menjelaskan sebab perbezaan pendapat dua golongan tersebut adalah penentuan samada zakat itu merupakan hak tanah ataupun hak hasil tanaman ataupun hak keduanya. Tetapi tidak ada yang berpendapat bahawa ia merupakan hak keduanya. Sedangkan menurut Ibn Rusyd ia merupakan hak tanah dan hak hasil tanaman. Mereka berpendapat bahawa zakat mestilah merupakan hak salah satu antara keduanya, perbezaan yang timbul adalah yang mana satukah di antara dua perkara itu lebih utama untuk dikenakan zakat. Maka jumhur berpendapat bahawa zakat dikenakan atas hasil tanaman, dan Abu Hanifah berpendapat bahawa zakat dikenakan atas asal kepada benih iaitu tanah⁵¹.

Tetapi masih terdapat persoalan yang timbul apabila pemilik tanah dan penyewa perlu mengeluarkan zakat, iaitu bagaimanakah cara kedua-dua mereka untuk mengeluarkan zakat secara bersama? Al-Qaradawi tidak hanya mengemukakan pendapat di dalam isu ini, beliau juga telah mengemukakan cara dan kaedah kiraan bagi pemilik tanah dan penyewa mengeluarkan zakat. Berikut adalah cara dan kaedah kiraan yang dikemukakan oleh al-Qaradawi;

Permulaannya, sewa yang dikenakan ke atas penyewa hendaklah ditolak sebagai hutang yang ditanggung oleh pembayar zakat. Ini bermakna hasil pertanian hendaklah ditolak dengan segala hutang yang ditanggung dan pembiayaan, dan kemudian barulah dikeluarkan zakat dari bakinya apabila telah cukup nisab samada sebanyak 10% ataupun 5%.

Contoh kiraannya adalah, seorang lelaki telah menyewa sawah untuk menanam padi dengan harga sewaan sebanyak 20 *junaih*. Hasil yang diperolehi daripada sawah itu adalah 100 *irdab* yang mana setiap 1 *irdab* berharga 4 *junaih*. Maka penyewa hendaklah menolak hasil

⁴⁶ *Ibid.* h. 429.

⁴⁷ Al-Kasani, *Badai' al-Sanai' fi Tartib Syarai'*, 2: 499; Ibn al-Humam (2003). *op.cit.* j. 2, h. 256.

⁴⁸ Syams al-Din al-Sarakhsi, *Al-Mabsut* (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1978), 3: 5. Lihat juga: al-Maqdisi, *Al-Mughni*, 4: 201; al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999), 3: 254.

⁴⁹ Al-Sarakhsi, *Al-Mabsut*, 3: 5.

⁵⁰ Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 1: 368; al-Nawawi, *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, 5: 481; al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir*, 3: 254; Al-Maqdisi, *Al-Mughni*, 4: 201.

⁵¹ Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 1: 368.

pertanian yang diperolehi itu sebanyak 50 *irdab* untuk bayaran sewa sawah (50 *irdab* x 4 *junaih* = 200 *junaih*) sepanjang sepuluh bulan (10 bulan x 20 *junaih* = 200 *junaih*). Contohnya penyewa telah menggunakan sebanyak 40 *junaih* (bersamaan dengan 10 *irdab*) untuk tujuan pembiayaan juga hendaklah ditolak. Maka setelah ditolak yang tinggal hanyalah sebanyak 40 *irdab* sahaja pada penyewa (cukup nisab), dan hendaklah dia mengeluarkan sebanyak 5% (atau 10% mengikut kaedah pengairan) daripada 40 *irdab* untuk dizakatkan iaitu sebanyak 2 *irdab*. Manakala pemilik tanah hendaklah mengeluarkan zakat daripada hasil bayaran sewa yang diperolehi, iaitu sebanyak 200 *junaih*. contohnya pemilik tanah perlu membayar cukai ataupun *kharaj* sebanyak 40 *junaih*, maka 40 *junaih* hendaklah ditolak dari 200 *junaih*. Maka yang tinggal pada pemilik tanah adalah sebanyak 160 *junaih* (cukup nisab), maka wajib untuknya mengeluarkan zakat sebanyak 5% daripada 160 *junaih*, iaitu 8 *junaih*.⁵²

Sekiranya setelah ditolak sewa dan pembiayaan dan baki yang tinggal tidak mencukupi nisab maka zakat tidak lagi diwajibkan keatas penyewa. Mengenai pemilik tanah pula ia tidaklah wajib mengeluarkan zakat daripada hasil pertanian itu tetapi dia wajib mengeluarkan zakat daripada sewa yang diperolehi daripada penyewa yang mengusahakan tanah dan tanaman. Apabila duit sewa yang diperolehi itu mencukupi nisab (iaitu sebanyak RM 1470.15) maka dia wajib mengeluarkan zakat sebanyak 10% ataupun 5% daripada duit sewa yang diperolehi tersebut. Sekiranya terdapat hutang yang ditanggung, membayar *kharaj*, ataupun sara hidup, pemilik hendaklah menolak kesemuanya itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat⁵³.

Al-Qaradawi menyatakan bahawa pendapatnya itu lebih sesuai dengan prinsip keadilan dan toleransi. Penyewa membayar zakat hasil dari tanaman dan buah-buahan yang dikurniakan Allah kepadanya setelah ditolak sewa, hutang dan pembiayaan-pembiayaan lain, manakala pemilik pula membayar zakat hasil keuntungan yang diperolehinya daripada tanah yang disewakannya itu apabila telah ditolak hutang, *kharaj* dan selainnya. Dengan pertimbangan kewajipan yang adil itulah beliau telah mengambil apa yang terbaik dari pendapat AbuHanifah dan apa yang terbaik dari pendapat jumhur. Zakat dikenakan berasaskan pemilikan masing-masing maka tidak timbul persoalan membayar dua zakat pada sumber yang sama⁵⁴.

PENUTUP

Dapat dirumuskan daripada artikel ini satu pengertian zakat pertanian menurut al-Qaradawi. Zakat pertanian menurut beliau adalah; zakat yang dikenakan sebanyak 5% ataupun 10% (menurut kaedah pengairan) ke atas setiap hasil daripada tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan yang ditanam bertujuan untuk memperolehi manfaat atau hasil, yang telah mencukupi nisab sebanyak 5 *awsuq* setelah ditolak segala bentuk hutang, pembiayaan dan cukai.

Daripada artikel ini dapat dikenalpasti beberapa metodologi al-Qaradawi dalam penetapan hukum. Ia merangkumi kaedah dan metodologi al-Qaradawi dalam pembinaan kerangka hukum (*al-istinbat*), pemilihan (*al-ikhtiyar*) dan melakukan pentarjihan (*al-tarjih*) di dalam zakat pertanian. Metodologi tersebut adalah beliau berpegang dengan nas-nas yang umum selagi mana tidak ada nas lain yang mengkhususkannya, berpegang dengan *ijma'* yang diyakini keabsahannya, beliau juga melihat kepada *maqasid* dan *maslahah* dalam proses untuk menentukan hukum, meraikan realiti semasa (*'Urf*) dalam penetapan hukum dan tidak taksab dengan satu-satu mazhab.

⁵² Al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat*, 1: 431.

⁵³ *Ibid.*, 430.

⁵⁴ *Ibid.*, 431.

RUJUKAN

- Abu 'Ubaid, Al-Qasim bin Salam. *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruq, 1989.
- Al-Baihaqi. *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. *Kasysyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub, 2003.
- Al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad. *Hasiyat al-Dasuqi 'ala Syarh al-Kabir*. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1980.
- Ibn al-'Arabi. *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003.
- Ibn al-Humam. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003.
- Ibn Hazm. *Al-Muhalla*. Mesir : al-Taba'ah al-Muniriyyah, 1349H.
- Ibn Rusyd. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2009.
- Ishom Talimah. *Manhaj Fikih Yusuf al-Qaradhawi*, (Samson Rahman, terj). Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2001.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud. *Badai' al-Sanai' fi Tartib Syarai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003.
- Al-Khatib al-Syarbini, Muhammad bin Muhammad. *Al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2004.
- Al-Khurasyi, Sulaiman bin Salih. *Al-Qaradawi fi al-Mizan*. Riyadh: Dar al-Jawab, 1999.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah. *Al-Mughni*. Kaherah: Hajar, 1992.
- Al-Mawardi. *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999.
- Al-Mirghinani, 'Ali bin Abu Bakr. *Bidayat al-Mubtadi*. Kaherah : Matba'ah al-Futuh, t.t.
- Mujaini Tarimin. *Zakat Pertanian; Sistem dan Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mushfiqur Rahman. *Zakat Calculation*. United Kingdom: The Islamic Foundation, 2003.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. *Raudah al-Talibin*. Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub, 2003.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.
- Al-Qaradawi. *Ibn al-Qariah wa al-Kuttab*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2006.
- Al-Qaradawi. *Fiqh al-Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1994.
- Al-Qarasyi, Yahya bin Adam. *Kitab al-Kharaj*. Kaherah: Al-Matba'ah As-Salafiyyah, 1384H.
- Al-Qurtubi. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'asasah al-Risalah, 2006.
- Al-Sarakhsi, Syams al-Din. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1978.
- Al-Syafi'i. *Al-Umm*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2002.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin 'Ali. *Al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1995.
- Zaidan, 'Abdul Karim. *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1993.